

**MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK PERCUTIAN KELUARGA**

**NYI IMAS BINTI MUHAMAD CHONG**

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Sains (Perancangan Pelancongan)

Falkulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2007

## ABSTRAK

Bercuti bagi sesebuah keluarga adalah satu aktiviti yang paling menyeronokkan dan ditunggu-tunggu terutamanya oleh anak-anak. Bercuti juga dilihat mampu untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan disamping merehatkan fizikal dan mental daripada rutin harian yang membosankan. Manakala musim cuti sekolah pula merupakan masa yang paling sesuai bagi keluarga untuk bercuti. Walaupun bercuti dilihat sebagai satu perkara yang mengembirakan, namun hakikatnya ia melibatkan satu proses membuat keputusan yang agak kompleks. Ia dikatakan agak kompleks kerana percutian yang dirancang seharusnya mengambil kira banyak aspek bagi memenuhi keperluan (*wants*) dan minat (*interest*) bagi setiap ahli keluarga dan melibatkan persetujuan bersama bagi memastikan pemilihan item yang berkaitan dengan percutian adalah memenuhi citarasa setiap ahli keluarga.

Membuat keputusan untuk percutian keluarga (*Family Vacation Decision Making*) melibatkan dua perkara penting iaitu lima peringkat membuat keputusan dan pemilihan jenis-jenis item percutian keluarga. Membuat keputusan untuk melakukan percutian juga mengambilkira faktor demografi sesebuah keluarga seperti jenis kediaman, saiz keluarga, tahap pendapatan dan taraf pendidikan di mana faktor-faktor demografi ini akan membezakan cara atau gaya percutian sesebuah keluarga.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh ahli keluarga yang paling dominan dalam lima peringkat membuat keputusan untuk bercuti dan juga pemilihan jenis-jenis item percutian keluarga bagi tiga kelompok keluarga yang mendiami tiga jenis rumah yang berbeza iaitu rumah kos tinggi, kos

sederhana dan kos rendah. Kajian ini memfokuskan kepada keluarga dari tiga jenis kediaman yang berbeza kerana jenis kediaman merupakan salah satu faktor demografi yang dapat membezakan cara atau gaya percutian sesebuah keluarga. Manakala kawasan kajian yang dipilih adalah Pasir Gudang yang merupakan bandar perindustrian yang rata-rata penduduknya adalah terdiri daripada mereka yang telah berkeluarga.

Hasil kajian menunjukkan terdapatnya persamaan dan perbezaan dari segi ciri-ciri percutian keluarga, lima peringkat membuat keputusan dan pemilihan jenis-jenis item percutian keluarga bagi tiga kelompok keluarga. Hasil kajian juga membolehkan cadangan dibentuk bagi tujuan memberi informasi yang berguna dalam memahami senario sebenar percutian keluarga di Malaysia. Selain daripada itu cadangan juga dibentuk bagi “membuka pandangan” pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pelancongan Malaysia akan potensi pelancongan keluarga kepada perkembangan pelancongan domestik.

## **ABSTRACT**

For a family, going for a vacation is the most exciting and a long awaited activity, especially for the children. The vacation is also looked upon as a way to built better relationship among family member, apart from taking a rest from boring daily routine, physically and mentally. Even though taking a vacation is an exciting adventure, the decision making process ia quite complex. A planned vacation should consider a number of aspects which involve the needs and interest of family members and reaching to an agreement one a vacation that suits the needs of everyone.

The family vacation decision making consists of two main things, the five stages of decision making and the choice of vacation's items. The decision making process should consider the demography factor of a family, such as type of houses, family size, income and education background because they will differentiate the vacation style of the family.

The objective of the research is to identify the dominant figure of a family in ensuring the five stages decision making in taking a vacation and type of vacation for three groups of family – expensive, medium and low cost houses. This is due to the fact that type of house is one of the demography factors that is able to differentiate a family's vacation style. The target area is Pasir Gudang, an industrial area where most of the residents have family.

The result showed that there are similarities and differences in the family vacation characteristics, five stages in decision making and the choice of family vacation amongst the three family groups. The result has enable the researcher to come up with meaningful information in understanding the

scenario of a family vacation in Malaysia. Apart from that, the information can also be used by the respective parties in the tourism industries about the potential of family vacation in the flourishing domestic tourism.